Mr. Michael W. Garrett is the Executive Vice President of Nestlé S.A., responsible for the region including Asia, Oceania, Africa and the Middle East. His career in Nestlé began in 1961 as a management trainee at Crosse & Blackwell. After two years in Vevey between 1967 and 1968 he began his first major overseas assignment in Australia. In 1974 he returned to the UK for six years heading a number of key functions including Nestlé's Confectionery business before returning to Australia, first as Marketing Director and subsequently as Managing Director of Nestlé Australia Ltd. He was assigned to Japan as Market Head from 1990 to 1993 prior to his appointment as Zone Director responsible for Asia and Oceania. In July 1996 his responsibilities were expanded to include Africa and the Middle East. He is a graduate of IMEDE Business School in Lausanne, Switzerland. Appointed to the Board since December 1992. His Alternate Director, Mr. Faïçal Krichane attended three out of four Board meetings in the financial year 2002. No conflict of interest with the Company and has no family relationship with any other director and/or major shareholder of the Company, nor any personal interest in any business arrangement involving the Company. Has not been convicted for offences within the past ten years other than for traffic offences, if any.

Notis Mesyuarat Agung Tahunan

DENGAN INI NOTIS DIBERIKAN BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang ke-19 (Sembilan belas) akan diadakan di Kristal Ballroom, Hilton Petaling Jaya pada hari Rabu, 23 April 2003 pada pukul 10:30 pagi bagi tujuan-tujuan berikut:

AGENDA

Untuk Perniagaan Biasa

1. Untuk mendapatkan dan menerima Penyata Kewangan Teraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2002 bersama-sama Laporan Pengarah dan Laporan Auditor di atasnya.

Resolusi Biasa 1

2. Untuk meluluskan pembayaran Yuran Pengarah bagi tahun berakhir 31 Disember 2002.

Resolusi Biasa 2

3. Untuk memilih semula Jeneral (B) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali Seth yang bersara mengikut Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965.

Resolusi Biasa 3

4. Untuk memilih semula En. Jimmy Tan @ Tan Meng Kow yang bersara mengikut Artikel 90.1 Artikel Persatuan Syarikat.

Resolusi Biasa 4

5. Untuk memilih semula En. Michael W. Garrett yang bersara mengikut Artikel 90.1 Artikel Persatuan Syarikat.

Resolusi Biasa 5

6. Untuk meluluskan bayaran dividen akhir, merangkumi dividen yang tidak dikecualikan cukai sebanyak RM0.25 kasar sesaham dan dividen yang dikecualikan cukai sebanyak RM0.27 sesaham, menghasilkan jumlah dividen sebanyak RM0.45 bersih sesaham, bagi tahun berakhir 31 Disember 2002.

Resolusi Biasa 6

7. Untuk melantik semula Tetuan KPMG sebagai Auditor Syarikat dan memberi kuasa kepada Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka.

Resolusi Biasa 7

Untuk Perniagaan Khas

Untuk mempertimbangkan dan jika perlu, meluluskan Resolusi Biasa yang berikut:

8. Cadangan Pembaharuan Mandat Pemegang Saham untuk Urusniaga Pihak Berkait yang Berulang bagi Pendapatan atau Jenis Perdagangan sebagaimana terdapat dalam Seksyen 2.3(i) pada Surat Pekeliling kepada pemegang saham bertarikh 31 Mac 2003.

Tertakuk kepada Keperluan Penyenaraian Bursa Saham Kuala Lumpur, Syarikat dan/atau anak syarikatnya harus diberi mandat untuk menyertai kategori urusniaga pihak berkait yang berulang bagi pendapatan atau jenis perdagangan dengan pihak berkaitan sebagaimana terdapat dalam Seksyen 2.2(i) pada Surat Pekeliling kepada pemegang saham bertarikh 31 Mac 2003 tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

- (i) Urusniaga merupakan perniagaan biasa dan mengikut syarat yang tidak terlalu memihak kepada pihak yang berkaitan daripada yang biasanya diberi kepada orang awam, dan urusniaga yang dilakukan selengan dan harus tidak menjejaskan kumpulan kecil pemegang saham;
- (ii) Kelulusan tersebut harus diteruskan sepenuhnya sehingga berakhir Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya, melainkan terlebih dahulu ianya ditarik balik atau diubah semasa mesyuarat agung Syarikat, menurut mana yang lebih awal;
- (iii) Para Pengarah dan/atau salah seorang daripada mereka dengan ini diberi kuasa untuk menyempurnakan dan melakukan semua tindakan tersebut (termasuk menyempurnakan dokumen tersebut jika perlu) untuk melaksanakan urusniaga yang dikehendaki dan/atau diberi kuasa oleh Resolusi ini, dan;
- (iv) Pendedahan tentang nilai agregat urusniaga yang berulang bagi pihak berkait, yang dilakukan mengikut Mandat pemegang saham dalam Laporan Tahunan, yang mana Syarikat mesti memberikan analisis nilai agregat urusniaga berulang bagi pihak berkait yang dibuat pada tahun kewangan, antara lain, berdasarkan maklumat berikut:
 - a. Jenis urusniaga berulang oleh pihak berkait yang telah dibuat
 - b. Nama pihak berkaitan yang terlibat dalam setiap jenis urusniaga berulang bagi pihak berkait yang dibuat dan perhubungan mereka dengan Syarikat dan/atau anak syarikatnya

Resolusi Biasa 8

9. Cadangan Pembaharuan Mandat Pemegang Saham untuk Urusniaga Pihak Berkait yang Berulang bagi Pendapatan atau Jenis Perdagangan sebagaimana terdapat dalam Seksyen 2.3(ii), (iii) dan (iv) pada Surat Pekeliling kepada pemegang saham bertarikh 31 Mac 2003.

Tertakuk kepada Keperluan Penyenaraian Bursa Saham Kuala Lumpur, Syarikat dan/atau anak syarikatnya harus diberi mandat untuk menyertai kategori urusniaga pihak berkait yang berulang bagi pendapatan atau jenis perdagangan dengan pihak berkaitan sebagaimana terdapat dalam Seksyen 2.2(ii), (iii) dan (iv) pada Surat Pekeliling kepada pemegang saham bertarikh 31 Mac 2003 tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

- (i) Urusniaga merupakan perniagaan biasa dan mengikut syarat yang tidak terlalu memihak kepada pihak yang berkaitan daripada yang biasanya diberi kepada orang awam, dan urusniaga yang dilakukan selengan dan harus tidak menjejaskan kumpulan kecil pemegang saham;
- (ii) Kelulusan tersebut harus diteruskan sepenuhnya sehingga berakhir Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya, melainkan terlebih dahulu ianya ditarik balik atau diubah semasa mesyuarat agung Syarikat, menurut mana yang lebih awal;
- (iii) Para Pengarah dan/atau salah seorang daripada mereka dengan ini diberi kuasa untuk menyempurnakan dan melakukan semua tindakan tersebut (termasuk menyempurnakan dokumen tersebut jika perlu) untuk melaksanakan urusniaga yang dikehendaki dan/atau diberi kuasa oleh Resolusi ini, dan;
- (iv) Pendedahan tentang nilai agregat urusniaga yang berulang bagi pihak berkait, yang dilakukan mengikut Mandat pemegang saham dalam Laporan Tahunan, yang mana Syarikat mesti memberikan analisis nilai agregat urusniaga berulang bagi pihak berkait yang dibuat pada tahun kewangan, antara lain, berdasarkan maklumat berikut:
 - a. Jenis urusniaga berulang oleh pihak berkait yang telah dibuat
 - b. Nama pihak berkaitan yang terlibat dalam setiap jenis urusniaga berulang bagi pihak berkait yang dibuat dan perhubungan mereka dengan Syarikat dan/atau anak syarikatnya

Resolusi Biasa 9

Notis Pembayaran Dividen

DENGAN INI NOTIS DIBERIKAN BAHAWA, tertakluk kepada kelulusan pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan Ke -19 (Sembilan belas) Syarikat, dividen akhir, merangkumi dividen yang tidak dikecualikan cukai sebanyak RM0.25 kasar sesaham dan dividen yang dikecualikan cukai sebanyak RM0.27 sesaham, menghasilkan jumlah dividen sebanyak RM0.45 bersih sesaham, bagi tahun berakhir 31 Disember 2002 akan dibayar kepada pemegang-pemegang saham pada 13 Mei 2003. Tarikh layak untuk mendapatkan dividen tersebut ialah 25 April 2003.

Seorang penyimpan akan hanya mendapat hak kepada dividen jika:

- a. Saham dipindahkan ke akaun sekuriti Penyimpan sebelum 12.30 malam pada 25 April 2003 dari segi pindahan biasa
- b. Saham yang dibeli di Bursa Saham Kuala Lumpur dengan asas hak mengikut Peraturan Bursa Saham Kuala Lumpur.

Melalui Arahan Lembaga Pengarah

- Mohd. Shah Bin Hashim (LS006824)
 - Diana Binti Mohd Ghazali (LS004285)
- Setiausaha,
Petaling Jaya
Tarikh: 31 Mac 2003

Nota:

1. Ahli Syarikat yang layak menghadiri dan mengundi dalam Mesyuarat di atas berhak melantik proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihaknya. Proksi tersebut tidak semestinya ahli Syarikat.
2. Bagi pengesahan borang proksi, ia mesti dihantar ke Pendaftar Saham Syarikat di Tenaga Koperasi Sdn. Bhd., Tingkat 20, Plaza Permata, Jalan Kampar, Off Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur, tidak kurang daripada 48 jam sebelum masa Mesyuarat itu ditetapkan atau penangguhan.
3. Surattcara melantik proksi mestilah dilakukan secara bertulis oleh pelantik atau peguamnya yang memberi kuasa secara bertulis atau, jika pelantik merupakan sebuah perbadanan, hendaklah disempurnakan dengan meterai atau ditandatangani oleh seorang pegawai atau wakil berkuasa.

Notis Mesyuarat Agung Tahunan

Nota Penjelasan untuk Perniagaan Khas

Resolusi Biasa 8 dan 9 bagi Cadangan Mandat Pemegang Saham untuk Urusniaga Pihak Berkait yang Berulang bagi Pendapatan atau Jenis Perdagangan

Resolusi Biasa 8 dan 9, di bawah butiran 8 dan 9 Agenda, jika diluluskan, akan membenarkan Syarikat dan/atau mana-mana subsidiarinya untuk menjalankan urusniaga pihak berkait yang berulang dalam urusan perniagaan biasa dan perlu mengadakan mesyuarat agung berasingan dari semasa ke semasa untuk mendapatkan kelulusan pemegang-pemegang saham dan apabila urusniaga berulang tidak berlaku. Ini akan mengurangkan masa pentadbiran, kesulitan dan perbelanjaan kerana mengadakan mesyuarat berkaitan, tanpa berkompromi dengan objektif korporat Syarikat dan/atau mana-mana subsidiarinya atau memberikan kesan kepada peluang perniagaan yang dapat diperolehi oleh Syarikat dan/atau subsidiarinya. Mandat pemegang saham adalah tertakluk kepada pembaharuan setiap tahun.

Kenyataan bersama Notis Mesyuarat Agung Tahunan

Mengikut Perenggan 8.28(2) Keperluan Penyeneraian Bursa Saham Kuala Lumpur yang dilampirkan dibawah ini adalah:

Bilangan Mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tahun kewangan adalah empat.

Tarikh Mesyuarat	Masa	Tempat
27 Februari 2002	2.30 petang	Petaling Jaya
8 Mei 2002	2.30 petang	Petaling Jaya
21 Ogos 2002	2.30 petang	Petaling Jaya
6 November 2002	2.30 petang	Petaling Jaya

Keterangan mengenai kehadiran Pengarah di Mesyuarat Agung:

Nama Pengarah	Kehadiran
– Jeneral (B) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali Seth	4/4
– Tan Sri Dato' Ernest Zulliger	3/4
– YAM Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail	3/4
– En. Jimmy Tan @ Tan Meng Kow	4/4
– En. Michael W. Garrett (oleh Pengarah Silih Ganti, En Faiçal Krichane)	3/4
– En. José Lopez Y. Vargas	4/4
– En. Pierre Francois Streit	4/4
– En Faiçal Krichane (sebagai Pengarah Silih Ganti, En. Michael W. Garrett)	3/4

Keterangan mengenai Ahli Lembaga Pengarah yang akan dipilih semula dan dilantik semula adalah seperti berikut:

Jeneral (B) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali Seth

*Berusia 74 tahun. Warganegara Malaysia.
Pengerusi, Pengarah Bukan-Eksekutif, Pengarah Bebas dan juga Pengarah Jawatankuasa Audit*

Jeneral (B) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali Seth ialah seorang jeneral bersara yang telah berkhidmat dengan cemerlang dalam Angkatan Tentera Malaysia hampir 36 tahun. Beliau telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah sejak Januari 1986 dan telah dipilih menjadi Pengerusi semenjak itu. Menghadiri keempat-empat mesyuarat Lembaga Pengarah pada tahun kewangan 2002. Beliau juga berkhidmat sebagai Pengarah Magnum Corporation Berhad, Carlsberg Brewery Malaysia Berhad dan ABN-AMRO Bank Berhad. Tiada konflik kepentingan dengan Syarikat dan tiada hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat, atau sebarang kepentingan peribadi dalam sebarang urusan perniagaan yang melibatkan Syarikat. Tidak terbabit dalam kesalahan selama 10 tahun yang lalu melainkan kesalahan lalu lintas, jika ada.

En. Jimmy Tan @ Tan Meng Kow

*Berusia 59 tahun. Warganegara Malaysia.
Pengarah Bukan-Bebas, Pengarah Bukan-Eksekutif dan Ahli Jawatankuasa Audit*

En. Jimmy Tan @ Tan Meng Kow ialah graduan Pengajian Perniagaan dari Trinity College, Universiti Dublin, Ireland. Dilantik menganggotai Lembaga Pengarah sejak Mei 1993. Menghadiri keempat-empat mesyuarat Lembaga Pengarah pada tahun kewangan 2002. Juga berkhidmat sebagai Pengarah Kwang Teow Sang Sdn Bhd, Kian Nam Sdn Bhd dan Sri Sakti Sdn Bhd, yang merupakan Pengedar Jangka Panjang Syarikat. Dalam hal-hal yang berkaitan, syarikat-syarikat ini menjalankan perniagaan dengan Nestlé dengan syarat-syarat yang sama dengan mana-mana Pengedar Jangka Panjang yang lain dan kedudukan En. Jimmy Tan @ Tan Meng Kow dalam syarikat-syarikat ini tidak menimbulkan sebarang situasi konflik. Tiada konflik kepentingan dengan Syarikat dan tiada hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat, atau sebarang kepentingan peribadi dalam sebarang urusan perniagaan yang melibatkan Syarikat. Tidak terbabit dalam kesalahan selama 10 tahun yang lalu melainkan kesalahan lalu lintas, jika ada.

En. Michael W. Garrett

*Berusia 60 tahun. Warganegara Australia.
Pengarah Bukan-Bebas, Pengarah Bukan-Eksekutif*

En. Michael W. Garrett ialah Eksekutif Naib-Presiden Nestlé S.A. yang bertanggungjawab di rantau Asia, Ocenia, Afrika dan Timur Tengah. Kerjaya beliau di Nestlé bermula pada tahun 1961 sebagai Pelatih Pengurusan di Crosse & Blackwell. Selepas dua tahun di Vevey antara tahun 1967 dan 1968, beliau memulakan tugas luar negaranya yang pertama di Australia. Pada tahun 1974, beliau kembali ke United Kingdom selama enam tahun untuk memimpin beberapa jawatan kanan termasuk perniagaan Nestlé Confectionery sebelum pulang ke Australia, mula-mula sebagai Pengarah Pemasaran dan dengan berikutnya sebagai Pengarah Urusan Nestlé Australia Ltd. Beliau telah ditugaskan untuk mengetuai pasaran Nestlé di Jepun dari tahun 1990 hingga tahun 1993 sebelum dilantik sebagai Pengarah Zon bagi Asia dan Oceania. Pada bulan Julai 1996, tanggungjawabnya telah diluaskan meliputi Afrika dan Timur Tengah. Beliau merupakan graduan dari IMEDE Business School di Lausanne, Switzerland. Dilantik menganggotai Lembaga Pengarah sejak Disember 1992. Pengarah Silih Ganti beliau, En. Faïçal Krichane menghadiri tiga daripada empat mesyuarat Lembaga Pengarah pada tahun kewangan 2002. Tiada konflik kepentingan dengan Syarikat dan tiada hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat, atau sebarang kepentingan peribadi dalam sebarang urusan perniagaan yang melibatkan Syarikat. Tidak terbabit dalam kesalahan selama 10 tahun yang lalu melainkan kesalahan lalu lintas, jika ada.

Chairman's Statement



General (R) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali Seth

In our factories, on-going efforts of continuous improvements resulted in the recognition of “Best in class”...

Ladies and Gentlemen,

The year 2002 started on a positive note with the Economy showing signs of renewed growth from a modest 2001 GDP base, and spirits were geared for a good year. The painful memories of the previous year were stored away and an “all out” positive sentiment prevailed.

The first quarter of 2002 started as per plan based on a progressive recovery scenario. However, in the second quarter, the prices of some key commodities, which are vital to our manufacturing processes escalated to levels not seen in over 15 years. The effects of such increases were not compensated by the reduction in other raw materials prices.

Already compounded with the increase in manufacturing costs due to the rise in commodity prices, particularly cocoa and palm oil, the Group faced further challenges as the pace of sales gradually reduced, due to changes in the consumer base. Immediate action was taken to reduce inventories in the trade to relieve the burden on our trade partners and also to guarantee supply of fresh products to our consumers. The adjustment of the trade inventories had an additional negative impact on our sales as the demand softened.

Whilst the 2002 financial result shows a reduction in both our sales volume and profit, we are grateful that our prudent financial planning and improved productivity

levels have cushioned us from a more severe impact as compared to other industry players, due to the effect of the economic slowdown.

Despite an overall decline in the majority of packaged food categories, the Group continued to increase activities in the trade to maintain the interest and visibility of our products throughout 2002. This strategy resulted in an improvement of our market shares, thus reinforcing the confidence that consumers put in our products.

The Group's product portfolio expanded in 2002 with some innovative introductions. Amongst the new products launched were: improved MILO® with ACTIGEN-E™ which allows progressive release of energy; NESCAFÉ® DECAF® provides another option for discerning coffee-drinkers; the luscious LA CREMERIA™ Ice Cream is indulgent with its premium taste.

In the nutrition category, POWERBAR™ provides the extra energy for high performance, while NUTREN™, is a healthy and nutritional supplement for diabetics. This shows the continuous drive in new products offering with focus on added nutritional values and is one of the building blocks for future Growth.

Amongst the new products launched this year, the MAGGI® Cup Noodles showed innovation in its promotional campaign, which claimed "all the money went into the product!" NESCAFÉ® 3-in-1 was also re-introduced into the market with more attractive and creative packaging.

At the EGM in September 2002, the sale of four businesses, Food Ingredient Specialities (Malaysia) Sdn Bhd (to Givaudan), Purina Petcare (Malaysia) Sdn Bhd (to Nestlé S.A.), Beverage Partners Worldwide (Malaysia) Sdn Bhd (to Nestlé S.A. to be contributed to the joint venture BPW) and Cereal Partners (Malaysia) Sdn Bhd (to CPW, a joint venture between Nestlé S.A. and General Mills) was sanctioned by the minority shareholders and the net proceeds after expenses was paid out as a special dividend to shareholders. This immediate pay-out shows the commitment of your Company to reward the shareholders for their participation and their loyalty.

2002 was the year when Nestlé Malaysia embarked as the pilot market in the Zone AOA, Asia Oceania and Africa for the Nestlé Group with the project GLOBE and successfully implemented not only a new and complex system (SAP based) but introduced a change in processes and a new way of doing Business, using Nestlé's best practices and tools called Business Excellence. This program will unleash the potential of the Group giving better control as well as improved and "real time" information. A better-informed company has the ability to react and respond to an ever-increasing competitive environment. No doubt that such an investment, at RM 32.4 million, will bring about opportunities in the coming years that will bring your Group to a new level in the food industry.

On the area of sales and distribution, more emphasis was given to the Channel and route to Market strategy to gain new insight on consumer spending and consumption. This has created and helped in the growth of our market shares despite a shrinking demand and improved our distribution efforts. Trade spend levels for 2002 have been held at 2001 levels. New tools in the Sales area have been deployed together with the GLOBE implementation and we look forward to the positive results with its full deployment in 2003.

For Capital Investments the total spend in 2002 was RM79.1 million smaller in comparison to the RM127.4 million investments in 2001 with the completion of the industrial restructure. This is a consolidation year with substantial investments in IT linked to the GLOBE initiative and installation of new processes.

In our factories, on-going efforts of continuous improvements resulted in the recognition of "Best in class" within the Nestlé Group for various manufacturing processes. Future savings will be achieved from such efforts.

Our business is now one full year in operation after the finalization of the industrial restructure and the increase in exports by (44%) from RM225 million in 2001 to RM325 million in 2002 from an already dynamic export growth in 2001 (50% vs. 2000) is an achievement that anchors Malaysia as a credible and valuable base for the Group's activities in the Region. The total export business represents about 13% of the total company's activities.

Corporate Governance and Risk management are a continuous area of focus in a turbulent corporate environment and the management has taken steps to consolidate the understanding and implementation of these concepts throughout the Group.

For 2003 the Group expects to see a gradual improvement in consumer demand over the year and better results. Some of the input costs have declined or come back to more reasonable levels from the historical peaks seen last year. Nevertheless the average prices foreseen for 2003 will remain higher than for 2002 and there is no expectation for further decline. Improved systems and practices allow for new focus. Channel marketing and new distribution approaches as well as white collar productivity initiative shall also be further implemented in 2003 giving further opportunities for cost reduction and optimization of resources. Barring any other unforeseen events and in an uncertain environment the management is cautiously positive.

Penyata Pengerusi

Tuan-tuan dan Puan-puan Sekalian

Tahun 2002 bermula dengan suasana positif apabila pertumbuhan ekonomi kembali menunjukkan tanda-tanda pemulihan daripada asas KDNK yang mencatatkan pertumbuhan sederhana pada tahun 2001, dan ini diikuti dengan pemulihan semangat untuk mencatatkan prestasi lebih baik lagi pada tahun ini. Kenangan pahit tahun sebelumnya telah disemadikan dan kini sentimen positif “secara menyeluruh” wujud kembali.

Suku pertama tahun 2002 bermula seperti yang di rancang dan memaparkan senario pemulihan yang berlaku secara progresif. Walau bagaimanapun, pada suku kedua, harga beberapa komoditi utama yang penting kepada proses pengilangan telah melambung ke paras yang tidak pernah dialami sepanjang tempoh 15 tahun lepas. Kesan peningkatan harga tersebut tidak mampu ditampung oleh pengurangan harga beberapa barangan yang lain.

Selain dibebani dengan kenaikan kos pengilangan akibat kenaikan harga komoditi, terutamanya koko dan minyak sawit, Kumpulan turut melalui cabaran lain akibat penurunan kadar jualan secara berperingkat berikutan perubahan pada asas pengguna. Tindakan segera bagi mengurangkan paras inventori dagangan telah diambil supaya dapat meredakan beban yang dipikul oleh rakan-rakan dagangan dan juga untuk menjamin supaya produk yang dibekalkan kepada para pengguna adalah segar. Tindakan mengurangkan tahap inventori ini juga membawa kesan tambahan yang negatif kepada jualan.

Walaupun keputusan kewangan tahun 2002 menunjukkan penurunan jumlah jualan dan keuntungan, Kumpulan bersyukur kerana perancangan kewangan secara berhati-hati dan tahap produktiviti yang bertambah baik telah membantu untuk melindunginya daripada terjejas dengan ketara jika dibandingkan dengan syarikat-syarikat lain dalam industri ini.

Walaupun mengalami kemerosotan menyeluruh bagi kebanyakan kategori makanan dalam bungkusan, Kumpulan terus meningkatkan aktiviti dagangannya bagi mengekalkan kepentingan dan keketaraan produk pada sepanjang tahun 2002. Strategi ini telah membantu mempertingkatkan penguasaan pasaran dan membantu mengukuhkan lagi keyakinan yang disandarkan oleh para pengguna terhadap produk Kumpulan.

Portfolio produk Kumpulan terus berkembang pada tahun 2002 melalui beberapa pengenalan inovatif. Antara produk baru yang dilancarkan termasuk: MILO® yang dipertingkatkan dengan ACTIGEN-E™ bagi membolehkan pengeluaran tenaga secara progresif; NESCAFÉ® DECAF® yang menyediakan satu lagi pilihan kepada para penggemar kopi; citarasa Ais Krim LA CREMERIA™ dengan keenakan citarasanya yang bertaraf premium.

Dalam kategori pemakanan pula, POWERBAR™ menyediakan tenaga tambahan untuk pencapaian prestasi yang lebih tinggi, sementara NUTREN™ pula adalah makanan tambahan yang menyihatkan dan berkhasiat khusus untuk mereka yang menghadapi masalah diabetes. Semua produk ini membuktikan usaha berterusan bagi menawarkan produk baru dan fokus kepada nilai khasiat makanan tambahan. Ia merupakan salah satu asas yang bakal meletakkan kita ketahap pertumbuhan yang lebih cemerlang di masa depan.

Antara produk baru yang dilancarkan pada tahun ini, MAGGI® mi cawan berjaya menampilkan kempen promosi yang inovatif dengan daya tarikan “semua wang telah dibelanjakan untuk produk ini.” NESCAFÉ® 3-dalam-1 juga telah diperkenalkan semula ke dalam pasaran dengan bungkusan yang lebih menarik dan kreatif.

Dalam Mesyuarat Agung Luarbiasa yang diadakan pada bulan September 2002, penjualan empat buah perniagaan iaitu, Food Ingredient Specialties (Malaysia) Sdn Bhd (kepada Givaudan), Purina Petcare (Malaysia) Sdn Bhd (kepada Nestlé S.A.), Beverage Partners Worldwide (Malaysia) Sdn Bhd (kepada Nestlé S.A. untuk disumbangkan kepada usahasama BPW) dan Cereal Partners (Malaysia) Sdn Bhd (kepada CPW, sebuah Usahasama antara Nestlé S.A. dan General Mills) telah mendapat kelulusan daripada para pemegang saham minoriti dan kutipan bersih selepas perbelanjaan telah dibayar sebagai dividen istimewa kepada para pemegang saham. Pembayaran segera ini membuktikan komitmen Kumpulan anda untuk memberi ganjaran kepada para pemegang saham dan atas semangat kesetiaan mereka.

Tahun 2002, adalah tahun dimana Nestlé Malaysia telah melancarkan projek GLOBE, sebuah projek pasaran perintis yang merangkumi Zon AOA, Asia, Oceania dan Afrika untuk Kumpulan Nestlé. Projek yang telah berjaya dilaksanakan ini memberi sebuah sistem baru dan kompleks (berasaskan SAP) dan turut memperkenalkan satu perubahan dalam proses serta cara pengendalian perniagaan baru dengan menggunakan amalan dan alat terbaik yang dikenali sebagai Business Excellence. Program ini akan memantau potensi Kumpulan sambil membantu memudahkan kawalan dalaman serta pengumpulan maklumat yang “tepat pada masanya.” Sebuah syarikat yang termaklum mempunyai keupayaan untuk memberi reaksi dan tindak balas secara lebih berkesan kepada persekitaran di pasaran yang semakin berdaya-saing. Oleh sebab itu, pelaburan sebanyak RM 32.4 juta yang dibelanjakan, tidak syak lagi akan membuka banyak peluang untuk menletakan Kumpulan ke satu tahap pencapaian baru dalam industri makanan dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

Sementara itu, dalam bidang jualan dan pengedaran pula, kita telah memberi lebih banyak penekanan kepada Saluran dan Laluan menuju strategi pasaran bagi mendapatkan pengetahuan yang lebih mendalam mengenai perbelanjaan serta para pengguna. Walaupun permintaan semakin susut, namun usaha tersebut telah membantu mempertingkatkan pertumbuhan bahagian pasaran dan mempertingkatkan pencapaian pengedaran. Perbelanjaan perdagangan pada tahun 2002 telah dapat dikekalkan di paras yang sama seperti pada tahun 2001. Beberapa alat baru berkaitan dengan jualan telah dimanfaatkan serentak dengan pelaksanaan GLOBE dan kita yakin ia akan memberi pulangan yang positif apabila digunakan sepenuhnya pada tahun 2003.

Dalam pelaburan modal pula RM79.1 juta telah dibelanjakan pada tahun 2002 berbanding dengan RM127.4 juta pada tahun 2001. Ia merupakan satu tahun pengukuhan yang melibatkan pelaburan besar dalam GLOBE dan IT serta pemasangan beberapa proses baru.

Usaha peningkatan yang dijalankan secara berterusan di kilang-kilang kita telah membolehkan Kumpulan mendapat pengiktirafan “Terbaik dalam kelas” bagi beberapa proses perkilangan dalam Kumpulan Nestlé. Usaha-usaha ini akan membolehkan Kumpulan menikmati penjimatan pada masa depan.

Perniagaan kita telah mencapai operasi satu tahun penuh selepas selesai menjalani penyusunan semula perindustrian dan ini telah membolehkan kita menikmati peningkatan eksport sebanyak (44%), iaitu daripada RM225 juta pada tahun 2001 kepada RM325 juta pada tahun 2002. Ianya terbit daripada pertumbuhan eksport yang dinamik pada tahun 2001 (50% jika dibandingkan dengan tahun 2000). Ini merupakan satu pencapaian yang berjaya meletakkan Malaysia sebagai sebuah pangkalan yang berwibawa dan bernilai di rantau ini. Jumlah perniagaan eksport telah mencapai 13% daripada jumlah keseluruhan aktiviti Kumpulan.

Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko merupakan bidang-bidang utama yang diberikan fokus berterusan oleh Kumpulan terutamanya dalam persekitaran korporat yang tidak menentu and pihak pengurusan telah mengambil beberapa langkah untuk mengukuhkan lagi pemahaman dan pelaksanaan kedua-dua konsep ini secara menyeluruh.

Bagi tahun 2003 Kumpulan menjangka permintaan pengguna akan meningkat secara berperingkat sepanjang tahun dan ini sekaligus akan membantu Kumpulan mencapai keputusan yang lebih baik lagi. Beberapa kos pengeluaran telah susut atau kembali ke paras yang lebih berpatutan berbanding harga puncak yang ditanggung pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, adalah dianggarkan bahawa purata kos bagi tahun 2003 akan lebih tinggi jika dibandingkan dengan tahun 2002 dan ianya dijangka tidak akan terus menurun. Sistem dan amalan yang telah diperbaiki akan membolehkan Kumpulan memberi fokus baru. Saluran pemasaran serta beberapa pendekatan pengedaran baru dan usaha meneigkatkan produktiviti akan turut dilaksanakan pada tahun 2003 bagi membuka lebih banyak peluang untuk mengurangkan kos serta penggunaan sumber secara optimum. Jika tidak berlaku sebarang kejadian di luar dugaan dan dalam persekitaran yang tidak menentu, Kumpulan secara berhati-hati yakin akan memperbaiki keputusannya.